

## **AEC Akan Jana Pelbagai Peluang Untuk Perniagaan, Pelaburan**

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Komuniti ekonomi ASEAN (AEC) dijangka menjana pelbagai peluang perniagaan dan pelaburan dengan penghapusan halangan serta tarif perdagangan di semua negara anggota.

Zaharudin Daud dari Persatuan Insurans Am Malaysia (LIAM) berkata, walaupun pasaran ASEAN berada pada peringkat pembangunan yang berbeza, Malaysia menghadapi cabaran yang sama iaitu jurang perlindungan insurans yang rendah, terutama di kalangan penduduk luar bandar dan pinggir bandar.

"Walaupun negara anggota ASEAN mengalami kadar urbanisasi yang tinggi sejak beberapa tahun lalu, masih terdapat vakum yang besar dalam pasaran.

"Kadar perlindungan insurans ASEAN sebanyak 3.4 peratus pada 2013 hanya kira-kira separuh daripada purata global 6.3 peratus.

"Merapatkan jurang itu memerlukan industri berkenaan menggabung tenaga dan kepakaran melalui peningkatan kesedaran orang ramai mengenai insurans, pembinaan kapasiti dan memupuk kerjasama serantau yang lebih erat," katanya.

Bagi merangsang industri berkenaan, Majlis Insurans ASEAN dan Persatuan Insurans Am dan LIAM, baru-baru ini menganjurkan Jelajah AEC.

Jelajah separuh hari itu bertujuan mengenal pasti kawasan keutamaan yang perlu ditangani bagi meningkatkan persediaan.

-- BERNAMA